



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 28 MEI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MAFI ANJUR WEBINAR SEKURITI MAKANAN NEGARA 2021 SECARA MAYA, SH -ONLINE MAFI GALAK USAHA PENYELIDIKAN SELARAS DENGAN KEPRELUAN RAKYAT, SH -ONLINE MAFI PERKUKUH BEKALAN MAKANAN, NEGARA, KOSMO -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4. 5. 6.	KHIDMAT BUNTINGKAN LEMBU ADA SURAT JPV, NASIONAL, BH -22 PERNAH RAWAT 24 LEMBU SEHARI, LOKAL, HM -25 JPV TERENGGANU TERIMA LAPORAN TERNAKAN DUANGKITI LSD, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -29	JABATAN PERKHIMATAN VETERINAR (JPV)
7.	MGNEWS: NAFAS PEMBORONG TUNGGAL IBPS, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/5/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI anjur Webinar Sekuriti Makanan Negara 2021 secara maya



Ahmad merasmikan Webinar Sekuriti Makanan 2021 bertemakan 'Sekuriti Makanan Negara: Merealisasikan Keperluan Rakyat' secara maya pada Khamis.

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengadakan Webinar Sekuriti Makanan Negara 2021 secara maya pada Khamis.

Webinar bertemakan 'Sekuriti Makanan Negara: Merealisasikan Keperluan Rakyat' julung kali diadakan telah membincangkan isu cabaran dan hala tuju sekuriti makanan negara meliputi aspek pemodenan, nutrisi dan sistem makanan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee menerusi teks ucaptamanya yang dibacakan timbalannya, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, beberapa aspek yang perlu diutamakan dalam memastikan sekuriti makanan negara terjamin.

Beliau berkata, antaranya ialah keberadaan makanan yang selamat dengan harga berpatutan di pasaran, meningkatkan pengeluaran makanan secara domestik dan mengurangkan kebergantungan kepada import makanan serta guna tenaga asing.

"MAFI telah dan akan meneruskan usaha untuk memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi melalui hala tuju yang digariskan dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) 2021-2025 dan Dasar Agromakanan Negara 2.0, 2021-2030 (DAN 2.0).

"RMK12 akan memberi penekanan kepada inisiatif untuk meningkatkan produktiviti, memperkasa sistem sokongan dan perkhidmatan serta memperkukuh rantai nilai makanan ke arah meningkatkan daya tahan sistem makanan secara menyeluruh.

"DAN 2.0 pula akan menyokong pelaksanaan agenda Sustainable Development Goals (SDGs) 2030 dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, selain menyumbang kepada pencapaian aspirasi Malaysia dalam konteks ekonomi, pengurusan sosial dan kemampunan alam sekitar di bawah sektor agromakanan bagi tempoh sedekad yang akan datang," katanya dalam teks ucapan tersebut pada Khamis.

Program tersebut turut dihadiri beberapa pembentang terkenal dalam bidang masing-masing termasuk Pengerusi Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Datuk Dr Rais Hussin Mohamed Ariff; Penasihat Penasihat Penyelidik, Institut Penyelidikan Khazanah, Profesor Dr Jomo Kwame Sundram dan Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Group Berhad, Tan Sri Tony Fernandes.

Sementara itu, Kiandee berkata, webinar tersebut mengetengahkan beberapa wakil industri yang berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengenai sekuriti makanan daripada perspektif industri.

"Semua cadangan dan input yang diterima melalui webinar ini akan dimanfaatkan oleh kerajaan untuk menambah baik cadangan pelan tindakan dasar sekuriti makanan negara.

“Ia turut dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) yang akan dipengerusikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam masa terdekat,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/5/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI galak usaha penyelidikan selaras dengan keperluan rakyat



KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menggalakkan usaha penyelidikan diteruskan bagi memperkasakan hasil-hasil penyelidikan selaras dengan keperluan rakyat dan industri agromakanan di Malaysia.

Timbalan Menteri II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, penyelidikan mampu mengimbangi keperluan semasa dan menyumbang kepada pemerkasaan industri secara keseluruhannya.

Menurutnya, sektor perikanan adalah antara bidang keutamaan dalam industri agromakanan di Malaysia.

“Ia menjadi lebih penting dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memastikan kelancaran rantaian makanan dan sekuriti makanan negara terutama pengeluaran hasil laut yang merupakan salah satu sumber protein bagi rakyat.

“Semua sedia maklum, sektor pertanian dan industri makanan termasuk sektor perikanan telah diletakkan di bawah perkhidmatan perlu (essential services) dan dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP.

“Kita masih belum bebas daripada ancaman Covid-19. Kita mesti terus memastikan kelancaran rantaian bekalan dan jaminan makanan yang mencukupi serta stabil untuk rakyat dalam apa jua keadaan,” katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Seminar Penyelidikan Perikanan 2021 adalah platform penting bagi mengetengahkan data-data dan hasil dapatan daripada kajian yang dilakukan penyelidik dalam industri perikanan negara.

Menurutnya, seminar bertemakan ‘Realisasi R&D Ke Arah Pembangunan Holistik Perikanan’ diadakan secara maya, anjuran Jabatan Perikanan (DOF) menerusi Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) pada Khamis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/5/2021	KOSMO	NEGARA	7

Webinar Sekuriti Makanan Negara 2021 bincang isu cabaran, hala tuju makanan

MAFI perkukuh bekalan makanan

Oleh EDDY HAMIDI

PETALING JAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) buat julung kalinya mengadakan Webinar Sekuriti Makanan Negara 2021 bagi membincangkan isu cabaran dan hala tuju sekuriti makanan negara meliputi aspek pemodenan, nutrisi dan sistem makanan.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Klандee dalam ucap tamanya berkata, pihaknya memberi penekanan kepada beberapa aspek yang perlu diutamakan dalam memastikan sekuriti makanan negara terjamin.

"Antara aspek yang ditekankan oleh MAFI adalah keberadaan makanan yang selamat dengan harga berpatutan di pasaran, meningkatkan pengeluaran makanan secara domestik, mengurangkan kebergantungan kepada import makanan dan penggunaan tenaga asing.

"MAFI turut memberikan penekanan dari aspek kesiapsiagaan negara dalam menghadapi krisis sekuriti makanan, ker-

jasama dan komitmen daripada pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan, kerajaan negeri dan rakyat serta kerjasama antara negara lain dalam bidang diplomasi makanan," jelasnya.

Ucuptama tersebut dibacakan oleh Timbalan Menteri MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Tambahnya, kementerian telah dan akan meneruskan usaha dalam memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi melalui hala tuju yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) 2021-2025 dan Dasar Agromakanan Negara 2.0, 2021-2030 (DAN 2.0).

"RMK-12 akan memberi penekanan kepada inisiatif untuk meningkatkan produktiviti, memperkasa sistem sokongan dan perkhidmatan serta memperkukuh rantaian nilai makanan ke arah meningkatkan daya tahan sistem makanan secara menyeluruh.

"DAN 2.0 akan menyokong pelaksanaan agenda Sustainable Development Goals (SDGs) 2030 dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, selain

menyumbang kepada pencapaian aspirasi Malaysia dalam konteks ekonomi, pengurusan sosial dan kemampunan alam sekitar di bawah sektor agromakanan bagi tempoh sedekad yang akan datang," jelasnya.

Katanya lagi, segala cadangan

dan input yang diterima melalui webinar tersebut akan dimanfaatkan oleh pihak kerajaan untuk menambah baik cadangan pelan tindakan dasar sekuriti makanan negara.

"Cadangan dan input yang diterima menerusi webinar ini

juga akan turut dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (PSCC) yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam masa terdekat," katanya.



AHMAD ketika membacakan ucpatama Webinar Sekuriti Makanan Negara 2021 secara maya di Putrajaya semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/5/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	22

Khidmat buntingkan lembu ada surat JPV


Kuala Terengganu: “Perkhidmatan pernian beradas untuk lembu baka boleh dijalankan seperti biasa kerana saya dibekalkan surat kebenaran,” kata Roslan Atan.

Roslan, 48, dari Kampung Pok Pa, di sini, menyediakan perkhidmatan pernian beradas untuk lembu baka sejak lebih 10 tahun lalu.

Katanya, permintaan terhadap perkhidmatan berkenaan tetap tinggi biarpun ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan kerana dia mempunyai surat kebenaran daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

“Bagaimanapun, saya perlu patuh kepada prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan, termasuk pemakaian pelitup muka.

“Selain menyediakan perkhidmatan pernian beradas untuk lembu baka, saya turut menjadi bidadan lembu jenis baka melahirkan anak,” katanya ketika ditemui menjalakan perkhidmatan itu di



Roslan melihat lembu baka limosin yang bunting selepas diberi rawatan pernian beradas di Kampung Pak Madah, Kuala Terengganu, semalam. (Foto Ahmad Rabiul Zulkifli/BH)

Kampung Pak Madah, semalam.

Roslan berkata, dia pernah melakukan perkhidmatan pernian beradas itu ke atas 24 lembu sehari dan kebiasaannya antara lapan hingga 10 haiwan teranakan berkenaan sehari.

Katanya, khidmatnya bukan hanya di Terengganu, malah ke negeri lain, termasuk Negeri Sembilan membabitkan pelbagai benih lembu baka seperti charolais, limosin, mega blue dan blonde.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/5/2021	HARIAN METRO	LOKAL	25

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

“Perkhidmatan pernian beradas untuk lembu baka boleh dijalankan seperti biasa kerana saya dibekalkan surat kebenaran,” kata Roslan Atan.

Roslan, 48, dari Kampung Pok Pa di sini, menyediakan perkhidmatan pernian beradas untuk lembu baka sejak lebih 10 tahun lalu.

Katanya, permintaan perkhidmatan itu tinggi biarpun ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksana kerana dia ada surat kebenaran daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

“Namun saya perlu patuh prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan termasuk pemakaian pelitup muka.

“Selain menyediakan perkhidmatan pernian beradas untuk lembu baka, saya menjadi bidan lembu jenis baka melahirkan anak,” katanya ketika ditemui di Kampung Pak Madah di sini, semalam.

Menurutnya, dia pernah menawarkan perkhidmatan pernian beradas kepada 24 lembu sehari dan kebia-

PAKAR PERMANIAN BERADAS

Pernah rawat 24 lembu sehari



ROSLAN melakukan rawatan pernian beradas.

ROSLAN bersama lembu baka limosin yang bunting selepas diberikan rawatan pernian beradas.

saannya antara lapan hingga 10 ekor sehari.

Katanya, khidmatnya bukan hanya di Terengganu, malah ke negeri lain termasuk Negeri Sembilan terhadap pelbagai benih lembu baka seperti charolais, limosin, mega blue

dan blonde.

“Paling mendapat sambutan sekarang benih lembu baka limosin dan setiap perkhidmatan pernian beradas dikenakan caj RM90 ke atas bergantung kepada lokasi kandang penternak,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/5/2021	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU/ KELANTAN	29



JPV Terengganu terima laporan ternakan dijangkiti LSD

KUALA TERENGGANU - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu menerima laporan lebih sekor ternakan disyaki dijangkiti penyakit Lumpy Skin Disease (LSD) di negeri itu.

Bagaimanapun, Ketua Bahagian Kesihatan JPV Terengganu, Dr Wan A'aidah Wan Hashim berkata, kes berkenaan masih belum disahkan menerusi ujian makmal.

"Pihak JPV ada menerima laporan baharu mengenai kes ternakan disyaki dijangkiti LSD, namun masih belum boleh disahkan kerana ia perlu melalui ujian makmal. Keputusan ujian makmal biasanya paling cepat diperolehi dalam tem-

poh dua minggu. "Setakat ini, penternak terbabit telah diberi notis kuarantin ternakan hingga tindakan lanjut dijalankan," katanya.

Dalam pada itu, Dr Wan A'aidah berkata, penternak wajib mengambilibil permit pergerakan haiwan yang sah bagi mengelak berlakunya jangkitan penyakit LSD yang sebelum ini dikesan menular di beberapa ladang transit ternakan di Thailand.

"Penternak juga disaran sentiasa membuat kawalan serangga, nyamuk, lalat dan kutu terhadap ternakan kerana virus ini berjangkit melalui gigitan serangga tersebut serta bersentuhan dengan haiwan

yang telah dijangkiti penyakit berkenaan.

"Penyakit LSD tidak berjangkit kepada manusia. Oleh itu, jika tiada tanda LSD pada organ dalam, daging dan bahagian lain ia selamat dimakan, namun sekiranya terdapat tanda pada organ dalam terutamanya paru-paru dan daging, ia tidak selamat dimakan," katanya.

Dalam pada itu, katanya, kes LSD tidak pernah dilaporkan berlaku di Terengganu.

"Tahap ketahanan haiwan yang dijangkiti penyakit ini berbeza mengikut tahap jangkitan. Ada ternakan yang sembuh dan ada juga yang dilaporkan mati," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/5/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

MGNews : NAFAS Pemborong Tunggal IBPS



Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) telah dilantik sebagai pemborong tunggal bagi program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berkuatkuasa 24 November 2020.